



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**12 Mac 2025  
11 Ramadan 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Perikanan Selangor rampas 174 jenis ikan
Kosmo	• DOF menyamar jadi pembeli serbu premis
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
BenarNews Malaysia [Online]	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL		2	12.03.2025

## JUAL IKAN LARANGAN

# Perikanan Selangor rampas 174 jenis ikan

**Shah Alam:** Taktik licik pemilik dua kedai akuarium menjual ikan larangan dengan berselindung di sebalik jualan atas talian terbongkar selepas diserbu Jabatan Perikanan Selangor, kelmarin.

Difahamkan, kedua-dua premis yang terletak di daerah Petaling itu tidak dibuka kepada orang awam, namun dibuka khas untuk pembeli bagi tempahan atas talian.

Pengarah Perikanan Selangor Noraisyah Abu Bakar berkata, pihaknya merampas 174 ikan pelbagai jenis dan saiz.

“Antara yang ditemui adalah Spotted Gar, Peacock Bass, Amazon Red Tail Catfish, Tiger Shovelnose Catfish, Emperor

HMMS2



Antara yang ditemui adalah Spotted Gar, Peacock Bass, Amazon Red Tail Catfish, Tiger Shovelnose Catfish, Emperor Blue Hook, Arapaima dan Silver Dollar”

**Noraisyah**

Blue Hook, Arapaima dan Silver Dollar.

“Kertas siasatan sudah dibuka terhadap kedua-dua perniagaan terbabit,” katanya menerusi kenyataan, kelmarin.



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/		NEGATIF	NEUTRAL		14	12-03-2025

## DOF menyamar jadi pembeli serbu premis

**SHAH ALAM** – Taktik pegawai Jabatan Perikanan (DOF) Selangor yang menyamar sebagai pembeli berjaya membongkar penjualan ikan 'alien' secara haram dalam operasi di Petaling Jaya, dekat sini semalam.

Dalam operasi kira-kira dua jam bermula pukul 12.30 tengah hari itu berjaya merampas 174 ikan larangan di dua buah premis.

Pengarah Perikanan Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, semakan mendapati modus operandi mereka adalah tidak mempamerkan papan tanda perniagaan di hadapan kedai bagi mengelak diperiksa pihak berkuasa.

Katanya, DOF telah beberapa kali ke premis itu bagi menjalankan pemeriksaan berkala, namun gagal kerana pintu shutter premis sentiasa tertutup.

"Premis diserbu selepas pihak kita membuat janji temu untuk *walk-in* bagi membeli ikan. Premis ini didapati menjual ikan secara dalam talian.

"Bagi premis kedua pula dikatakan sebagai pengedar jualan ikan kepada premis-premis akuarium dengan pagar sentiasa ditutup dan penduduk sekitar juga mendakwa tidak tahu aktiviti yang dijalankan di dalam gudang itu," katanya ke-

tika dihubungi semalam.

Ujar beliau, pihaknya telah cuba untuk memecah masuk premis, namun pemilik segera hadir dan memberikan kerjasama untuk membuka premis bagi tujuan semakan.

Katanya, hasil pemeriksaan lanjut kemudiannya membawa sitaan kepada 174 ekor ikan pelbagai jenis dan saiz.


Pecahannya adalah 44 ekor daripada spesies *pimelodidae* seperti baung ekor merah amazon, *tiger shovelnose catfish* dan 57 jenis *genus cichla* iaitu ikan raja atau peacock bass.

"Selain itu, 33 ekor *genus myleus* iaitu pacu, seekor arapaima bersaiz lebih 15 sentimeter dan 39 ekor ikan gar pelbagai saiz.

"Ikan-ikan tersebut dijual antara RM30 hingga RM300 bergantung kepada jenis dan saiznya," ujarinya.

Mengulas lanjut, kata beliau, larangan mengimport, menjual, memelihara, menyimpan dan mempamer ikan larangan adalah di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import, DSB., Bagi Ikan) (Pindaan 2024).

"Kertas siasatan telah dibuka dan menunggu keputusan selanjutnya daripada Timbalan Pendakwa Raya DOF," katanya.



**IKAN** baung ekor merah amazon albino yang dirampas DOF Selangor di Petaling Jaya baru-baru ini.